

“TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA AGAMA”

(19 Oktober 2018 / 10 Safar 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَلَّاقِ الْعَلِيمِ، الْحَكِيمِ الْقَدِيرِ؛ خَلَقَ الْمَكَانَ وَالزَّمَانَ، وَعَاقَبَ بَيْنَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ،
(وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا)، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ؛ لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنْ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ؛ أَرْسَلَهُ اللَّهُ تَعَالَى رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَاخْتَارَ لَهُ مِنَ الْأَصْحَابِ أَفْضَلَهُمْ،
وَمِنَ الزَّوْجَاتِ أَطْهَرَهُنَّ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ بَيْتِهِ وَ
أَزْوَاجِهِ، وَعَلَى أَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ جَلِّ وَعَلَا، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah ﷻ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Mimbar mengajak jemaah dan seluruh umat Islam menghayati khutbah hari ini yang bertajuk “**Tanggungjawab Memelihara Agama**”. *Hifzuaddin* (حفظ الدين) iaitu memelihara agama Islam daripada sebarang ancaman merupakan prinsip yang paling utama dalam *Maqasid Syariah* iaitu tujuan Islam disyariatkan. Justeru, menjadi kewajipan kita sebagai Muslim untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang tertinggi dan paling utama dalam segala urusan. Kerana agama

menjadi pembimbing hidup setiap Muslim di dunia ini untuk kesejahteraan abadi di akhirat kelak.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita semua sedia maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang menobatkan Islam sebagai agama persekutuan. Manakala Islam yang diamalkan pula adalah berasaskan akidah, syariah dan akhlak berteraskan pegangan Ahli al-Sunnah Wal-Jamaah. Kita juga amat meyakini bahawa Islam yang dibawa Nabi Muhammad ﷺ dengan misi *rahmatan lil alamin* adalah satu-satunya ajaran yang benar lagi diredhai oleh Allah ﷻ bertepatan dengan firman-Nya dalam Surah Ali Imran ayat 19:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.*”

Dan firman-Nya lagi:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

Bermaksud: “*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu.*”

Sejarah telah membuktikan bahawa dengan kedatangan Islam yang menegakkan Negara Islam Madinah telah membawakan rahmat memayungi umat yang bernaung di bawah pemerintahan Islam. Setiap individu hidup di bawah prinsip keadilan dan toleransi dalam kepelbagaian masyarakat tanpa ada paksaan kepada penganut agama lain untuk memeluk Islam. Fitrah manusia dipelihara tanpa sebarang unsur diskriminasi kerana perbezaan warna kulit, kabilah dan agama yang berbeza serta menjalani kehidupan dengan penuh aman dan harmoni. Kekuatan dan kesatuan ummah ketika itu menjadi asas kepada kegemilangan Islam sehingga

terpelihara daripada sebarang ancaman, bahkan berkembang ke seluruh pelusuk bumi.

Namun persoalannya hari ini, di manakah kekuatan umat Islam untuk memelihara agama? Tanpa kekuatan kita tidak akan mampu untuk memelihara agama yang menjadi payung melimpahkan keadilan dan rahmat kepada seluruh alam. Maka sebagai umat di negara Islam yang bertuah ini, kita mesti melakukan muhasabah sejauh mana kekuatan kita dari sudut politik, ekonomi, pendidikan, undang-undang dan lain-lain? Adakah kita telah menjadi umat yang bersatu atau masih berpecah belah? Realitinya kita dilihat tidak berdaya saing dan tidak berupaya dalam serba-serbi disebabkan perpecahan dan pergeseran. Apabila kita lemah dan berpecah belah maka akan muncullah golongan yang tidak menyenangi Islam dengan membawa pelbagai tuntutan dan ancaman, bahkan ada yang menghina Islam dan institusinya di atas hujah kebebasan hak asasi manusia.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sebagai Muslim, kita semua diamanahkan untuk memelihara Islam dan umat Islam secara keseluruhan. Kita semua berperanan mengatur strategi mengikut kemampuan masing-masing untuk memelihara dan mempertahankan Islam dalam kerangka Perlembagaan Malaysia. Pada masa yang sama pendekatan yang berhikmah mestilah ditonjolkan kerana menegakkan Islam tidak boleh lari dari kerangka dakwah dan methodologinya sebagai agama rahmah seiring dengan firman Allah ﷻ dalam Surah An-Nahl, ayat 125:

﴿ اَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan bahaskanlah mereka secara yang baik.”

Apabila kita menyedari kelemahan yang menjadi punca kita tidak mampu memelihara agama dengan baik, maka sewajarnya kita sebagai umat Islam di

negara ini perlu berganding bahu untuk mengembalikan kekuatan ummah dengan usaha-usaha berikut, iaitu:

Pertama: Memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kedua: Memperkasakan Institusi Raja-raja Melayu dan menjalankan amanah institusi tersebut dalam mengurus dan melaksanakan Islam sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan.

Ketiga: Menguatkan ikatan persaudaraan dan perpaduan umat Islam di Malaysia

Keempat: Memastikan segala dasar-dasar pengurusan dan pemeliharaan Islam dilaksanakan secara kolektif dan tuntas.

Kelima: Memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat berkaitan feqah kenegaraan, feqah Realiti yang menjurus kepada feqah Malaysia agar usaha menangani cabaran semasa lebih tersusun dan terarah.

Sehubungan dengan itu, penubuhan **Jawatankuasa Tertinggi Institusi Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan** yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada 10 Julai 2018 yang lalu merupakan langkah yang amat tepat bagi memperkasakan Islam di Malaysia. Marilah bersama-sama kita mendoakan semoga dengan usaha ini akan dapat membuka satu lembaran baharu dalam sistem pentadbiran agama Islam di peringkat Persekutuan yang lebih kukuh dan mantap seterusnya dapat memelihara Islam dan memperkasakan agenda pembangunan ummah seluruhnya.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Antara elemen yang membantu dalam memelihara Islam dan memartabatkan negara adalah pemeliharaan data dan statistik, ia bukan sahaja berkaitan pengurusan hal ehwal Islam tetapi juga berkaitan data penting pentadbiran negara. Ilmu statistik ini tidak hanya terhad dalam kalangan ahli statistik sahaja, tetapi

menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memahami dan menggunakan statistik dalam setiap urusan kehidupan.

Oleh itu, bersempena **Hari Statistik Negara** yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun, mimbar juga turut menarik perhatian para Jemaah tentang kepentingan statistik yang membantu dalam merumus kesimpulan secara saintifik berasaskan fakta. Statistik yang tepat dan berkualiti, diiringi dengan kefahaman yang tinggi dalam kalangan masyarakat terhadap kandungan maklumat yang dikeluarkan akan menghasilkan keputusan yang tepat, agihan sumber yang efektif, meningkatkan daya saing, meningkatkan tahap kecekapan dan pembangunan mapan. Justeru, mimbar menyeru setiap agensi dan individu dalam masyarakat supaya memberikan kerjasama untuk membekalkan maklumat yang tepat kepada Jabatan Perangkaan Malaysia seiring dengan komitmen agensi ini untuk meningkatkan kefahaman ahli masyarakat tentang kepentingan statistik dalam kehidupan.

Akhir sekali, dengan mengambil iktibar daripada khutbah pada hari ini, mimbar mengajak sidang jemaah dan seluruh umat Islam agar bersama-sama berusaha memelihara agama atau *hifzuaddin* (حفظ الدين) sebagai prinsip paling utama *Maqasid Syariah* melalui usaha-usaha berikut:

Pertama: Meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas dan paling utama dalam segala urusan.

Kedua: Memperkasa kekuatan dan kesatuan ummah agar berupaya memelihara agama yang membawa rahmat dan memayungi umat yang bernaung di bawah pemerintahan Islam.

Ketiga: Mempertahankan Islam dalam kerangka Perlembagaan Malaysia dan dalam skop kemampuan serta keupayaan masing-masing

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat; dan mereka itulah orang yang beroleh kejayaan.*”

Surah al-Nur, ayat 51

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ
بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا: أَعُوذُ بِاللَّهِ
مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ بْنَ أَبِي
طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَذْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ
وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ

كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كِبَاوَه دُولِي يَغ
مَهَا مَوْلِيَا سُرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ كَلِيمَا بَلَسْ.

سلطان محمد كليما وعلى كُلِّ قَرَانِيهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ
لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَيِّلاً وَمِنْهَاجاً. وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجاً وَهَاجاً. اللَّهُمَّ
اجْعَلْ مَا لِيَزِيَا وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشُّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ، اللَّهُمَّ
أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغْيَانَ وَالظُّلْمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ
عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ

اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.